




UNDANG2 No. 4 Tahun 1961

UNDANG2 TARAF KEBANGSAAN BRUNEI,  
1961

Beta bersetuju,



D.Y.M.M. SULTAN  
SIR OMAR ALI SAIFUDDIN  
*Brunei.*  
12.12.61

**UNDANG2 TARAF KEBANGSAAN BRUNEI, 1961**  
**SUSUNAN BAB2**

**Bab**

1. Gelaran pendek dan tarikh permulaan.
2. Tafsir.
3. Taraf kebangsaan.
4. Ra'ayat Sultan dengan kuatkuasa mutlak undang2.
5. Ra'ayat Sultan sechara pendaftaran.
6. Pendaftaran orang yang belum chukop umor.
7. Kesan pendaftaran sabagai saorang ra'ayat Sultan.
8. Ra'ayat Sultan mengikut chara penuangan taraf kebangsaan.
9. Kehilangan taraf ra'ayat Sultan.
10. Menyerahkan taraf ra'ayat Sultan dengan chara lafadz.
11. Mengambil balek taraf sebagai ra'ayat Sultan.
12. Tanggongan2 sebelum kehilangan taraf kebangsaan di-teruskan.
13. Pertimbangan Sultan tidak boleh di-rayu atau di-kaji.
14. Kelahiran anak dalam kapal.
15. Lembaga Bahasa.
16. Keterangan.
17. Kesalahan2.
18. Kuasa Sultan dalam Majlis Mashuarat untuk membuat peratoran2.

Jadual Pertama

Jadual Kedua

*Satu Undang2 untuk membuat sharat bagi taraf saorang ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan, kerana memperolehi dan kehilangan taraf tersebut dan kerana maksud2 yang berhubung dengan-nya:*

[ 1.1.1962 ]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti berikut:—

Gelaran pendek  
dan tarikh  
permulaan.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei, 1961, dan akan berjalan kuat-kuasa-nya pada 1 haribulan January, 1962.

Tafsir.

2. (1) Dalam Undang2 ini, kechuali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain —

“kanak2” termasok-lah sebarang anak angkat yang telah di-daftarkan menurut sebarang undang2 bertulis yang berjalan kuat-kuasa-nya dalam Negeri;

“warganegara United Kingdom dan Tanah2 Jajahan” berma'ana saorang warganegara United Kingdom dan Tanah2 Jajahan menurut Undang2 Kebangsaan British, 1948;

“orang yang belum chukop umor” berma'ana saorang yang belum menchapai umor delapan-belas tahun ia-itu di-kira mengikut kiraan kalender Masihi;

“hari yang di-tetapkan” berma'ana 1 haribulan January, 1962.

II & 12 Geo.  
IV c. 56.

(2) Bagi maksud2 Undang2 ini sesaorang itu dianggap telah lengkap sharat-nya jika dia telah menchapai umor delapan-belas tahun ia-itu di-kira mengikut kiraan kalender Masihi dan mempunyai fikiran yang waras.

(3) Bagi maksud2 Undang2 ini, sebarang sebutan di-dalam Undang2 ini yang mengenai kapada saorang perempuan yang bersuami atau yang telah bersuami, hendak-lah di-sifatkan semata2 kapada saorang perempuan yang perkahwinan-nya telah di-daftarkan menurut sebarang undang2 bertulis yang berjalan kuat-kuasa-nya di-dalam Negeri atau menurut sebarang peraturan2 yang di-perbuat di-bawah kuat-kuasa Undang2 ini.

(4) Sebarang sebutan dalam Undang2 ini kapada taraf atau hal ehwal bapa sesaorang itu pada masa ia di-lahirkan hendak-lah, jika berhubong dengan orang yang di-lahirkan selepas kematian bapa-nya, berma'ana sebutan taraf, atau hal ehwal bapa orang itu pada tarikh kematian-nya; dan manakala kematian itu berlaku sebelum, dan kelahiran itu berlaku selepas hari yang di-tetapkan, maka taraf atau hal ehwal yang boleh di-pakai kapada bapa-nya sekira-nya ia meninggal dunia selepas hari yang di-tetapkan hendak-lah di-anggap sebagai taraf atau hal ehwal yang boleh di-pakai oleh-nya pada hari kematian-nya.

**Taraf kebangsaan.**

**Ra'ayat Sultan dengan kuat-kuasa mutlak undang2.**

3. Saorang ra'ayat Sultan akan mempunyai taraf kebangsaan Negeri Brunei.

4. (1) Pada dan selepas hari yang di-tetapkan maka orang2 yang berikut sahaja yang akan menjadi ra'ayat2 Sultan dengan kuat-kuasa mutlak undang2 —

(a) mana2 orang yang di-peranakkan dalam Negeri sebelum, pada atau sesudah hari yang di-tetapkan siapa biasa-nya di-terima sebagai saorang dari salah satu puak jati dari bangsa Melayu yang berikut, ia-itu, Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong;

(b) mana2 orang yang di-peranakkan dalam Negeri sebelum, pada atau sesudah hari yang di-tetapkan yang kedua2 bapa dan

ibu-nya di-peranakkan dalam Negeri dan mereka ada-lah orang2 dari sebarang daripada puak2 yang di-sebutkan dalam Jadual Pertama kapada Undang2 ini;

- (c) mana2 orang yang di-peranakkan di-luar Negeri, pada atau sesudah hari yang di-tetapkan —
- (i) yang bapa-nya ada-lah, pada masa di-lahirkan orang tersebut, saorang yang di-peranakkan dalam Negeri sebelum, pada atau sesudah hari yang di-tetapkan dan ada-lah saorang yang biasa-nya di-terima sebagai saorang dari salah satu puak jati dari bangsa Melayu yang berikut, ia-itu, Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tuttong; atau
  - (ii) yang kedua2 bapa dan ibu-nya di-peranakkan dalam Negeri dan mereka ada-lah orang2 dari sebarang daripada puak2 yang di-sebutkan dalam Jadual Pertama kapada Undang2 ini;
- (d) mana2 orang yang di-peranakkan dalam Negeri pada atau sesudah hari yang di-tetapkan yang bapa-nya ada-lah, pada masa di-lahirkan orang tersebut, saorang ra'ayat Sultan; dan
- (e) mana2 orang yang di-peranakkan di-luar Negeri pada atau sesudah hari yang di-tetapkan yang bapa-nya pada masa di-lahirkan orang tersebut ia-lah saorang ra'ayat Sultan sechara pendaftaran dibawah bab 5, jika kelahiran itu telah di-daftarkan di-sabuah Jabatan Konsol British atau dalam Negeri dalam tempoh enam bulan selepas kelahiran itu, atau tempoh yang lebuh lanjut lagi sabagaimana yang Sultan boleh membenarkan dalam sesuatu masa'a-lah yang tertentu.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh dari semasa ka-semasa dengan siaran dalam *Warta Kerajaan* meminda, membatal, menambah atau mengubah Jadual Pertama kepada Undang2 ini.

**Ra'ayat Sultan sechara pendaftaran.**

5. (1) Terta'alok sabagaimana yang di-sharatkan selepas ini, saorang yang sudah chukop umor yang di-peranakkan dalam Negeri sebelum, pada atau se-sudah hari yang di-tetapkan, siapa bukan-lah saorang ra'ayat Sultan, akan berkelayakan apabila membuat permohonan sechara yang di-tentukan untuk di-daf-tarkan sebagai saorang ra'ayat Sultan jika ia me-muaskan hati Sultan bahawa dia —

- (a) telah dalam tempoh lima-belas tahun yang lepas sebelum tarikh permohonan-nya untuk di-dafarkan telah diam dalam Negeri berjumlah selama tidak kurang dari dua-belas tahun; dan
- (b) telah diam dalam Negeri terus menerus selama dua tahun sebelum tarikh permohonan-nya.

(2) Dalam menghitong tempoh kediaman dalam Negeri bagi maksud2 cheraian (1) dari bab ini sebarang tempoh ketiadaan-nya dalam Negeri —

- (a) kerana maksud2 meneruskan pelajaran di-negeri2 yang tertentu, dan dalam tem-poh2 yang sedemikian sabagaimana yang boleh dari semasa ka-semasa pada 'am-nya atau khas-nya di-benarkan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat bagi maksud2 cheraian tersebut; atau
- (b) semasa menjalankan pekerjaan urusan Negeri atau dalam perkhidmatan Baginda Queen, jika Sultan berpuas hati ba-hawa tempoh tersebut ada-lah berpatu-tan dengan tempoh kediaman seterus-nya; atau
- (c) di-antara satu haribulan July, 1941, de-ngan tiga puloh satu haribulan Decem-ber, 1946, dalam perkara sesaorang yang

telah diam dalam Negeri selama lima tahun sebelum tempoh ketiadaan tersebut; atau

- (d) kerana sebab2 kesehatan atau beberapa sebab2 yang lain yang di-tentukan pada 'am-nya atau khas-nya oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat;

hendak-lah di-anggap sebagai tempoh kediaman dalam Negeri.

(3) Dalam menghitong tempoh kediaman dalam Negeri bagi maksud2 cheraian (1) dari bab ini maka sebarang tempoh kediaman dalam Negeri —

- (a) semasa yang mana saorang itu telah diam dalam Negeri ini secara yang tidak diluluskan oleh undang2; atau
- (b) yang di-gunakan oleh-nya sebagai orang tahanan di-mana2 penjara atau sebagai saorang yang di-tahan menurut undang2 di-sebarang tempat tahanan selain daripada sabuah hospital gila dibawah kandongan2 dari sebarang undang2 bertulis dalam Negeri ini; atau
- (c) semasa yang sesaorang itu di-benarkan tinggal buat sementara dalam Negeri dibawah kuat-kuasa mana2 pas atau surat kebenaran yang di-keluarkan mengikut undang2 bertulis dalam Negeri;

tidak-lah di-anggap sebagai tempoh kediaman dalam Negeri:

Dengan sharat bahawa tempoh yang disebutkan dalam fasal (c) boleh di-anggap sebagai tempoh kediaman jika di-persetujui oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat.

(4) Bagi maksud2 Undang2 ini sesaorang hendak-lah di-anggap diam dalam Negeri pada sesuatu tarikh yang tertentu jika dia telah diam dalam Negeri sebelum tarikh itu dan tarikh itu ada-lah termasuk dalam sebarang tempoh ketiadaan sabagai-

mana yang di-sebutkan dalam cheraian (2) dari bab ini.

(5) Tiada sesiapa pun yang akan berkelayakan untuk di-daftarkan di-bawah cheraian (1) melainkan —

- (a) Sultan berpuas hati bahawa dia telah dipereksa oleh sebuah Lembaga Bahasa dan Lembaga tersebut telah menasehatkan Sultan bahawa dia —
  - (i) mempunyai darjah pengetahuan bahasa Melayu yang di-anggap baik mengikut saperti yang di-tentukan; dan
  - (ii) boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan fasih atau tidak bolch bertutor dalam bahasa itu dengan fasih di-sebabkan oleh kechachatan anggota atau kechachatan perchakapan atau pendengaran;
- (b) Sultan berpuas hati yang ia-nya berkelakuan baik; dan
- (c) ia telah mengangkat sumpah mengikut chara yang tertera dalam Jadual Kedua.

(6) Terta'alok sabagaimana yang di-sharatkan selepas ini saorang perempuan yang —

- (a) bukan saorang ra'ayat Sultan; dan
- (b) bersuami atau telah bersuami dengan saorang ra'ayat Sultan,

hendak-lah, tetekala membuat permohonan kepada Sultan mengikut chara yang di-tentukan, berkelayakan untuk di-daftarkan sebagai saorang ra'ayat Sultan, sama ada ia-nya lengkap sharat atau tidak:

Dengan sharat bahawa tidak ada perempuan yang akan berkelayakan untuk di-daftarkan di-bawah cheraian ini —

- (A) melainkan dia —

- (i) memuaskan hati Sultan yang ia-nya berkelakuan baik; dan
  - (ii) telah mengangkat sumpah mengikut chara yang tertera dalam Jadual Kedua; atau
- (B) jika pada masa di-buat permohonan-nya itu dia telah bercherai dengan saorang ra'ayat Sultan dan telah berkahwin dengan saorang yang bukan ra'ayat Sultan.

(7) Saorang yang telah menghapuskan dengan chara lafadz, atau telah di-ambil balek, taraf-nya sebagai saorang ra'ayat Sultan yang di-beri oleh atau di-bawah Undang2 ini atau sebagai warganegara United Kingdom dan Tanah2 Jajahan, tidak akan berkelayakan untuk di-daftarkan sebagai saorang ra'ayat Sultan di-bawah bab ini, tetapi boleh juga di-daftarkan dengan kebenaran Sultan.

**Pendaftaran orang yang belum chukop umor.**

6. (1) Sultan boleh memerentahkan supaya kanak2 dari mana2 ra'ayat Sultan yang belum chukop umor di-daftarkan sebagai saorang ra'ayat Sultan apabila ibu-bapa atau penjaga kanak2 itu telah membuat permohonan mengikut chara yang di-tentukan.

(2) Sultan boleh, dalam keadaan2 khas yang difikirkan-nya patut, memerentahkan supaya mana2 orang yang belum chukop umor di-daftarkan sebagai saorang ra'ayat Sultan.

(3) Bagi maksud2 bab ini “ibu-bapa” yang mewujudkan kapada saorang anak angkat yang telah di-daftarkan sebagai anak angkat bermama'ana ibu-bapa angkat.

**Kesan pendaftaran sebagai saorang ra'ayat Sultan.**

7. Saorang yang telah di-daftarkan di-bawah bab 5, 6 atau cheraian (4) dari bab 9 akan menjadi saorang ra'ayat Sultan mulai dari tarikh ia-nya di-daftarkan.

**Ra'ayat Sultan mengikut chara penuangan taraf kebangsaan.**

8. (1) Sultan boleh, jika permohonan kerana itu dibuat kepada Baginda oleh sesiapa yang bukan saorang ra'ayat Sultan mengikut chara yang di-tentukan dan orang itu lengkap sharat-nya, memberi

kapada orang tersebut satu sijil penuangan taraf kebangsaan jika ia memuaskan hati Sultan yang ia-nya —

- (a) telah dalam tempoh dua puluh lima tahun yang lepas sebelum tarikh permonahan-nya telah diam dalam Negeri berjumlah selama tidak kurang dari dua puluh tahun; dan
- (b) telah diam dalam Negeri terus menerus selama dua tahun sebelum tarikh permonahan-nya; dan
- (c) berkelakuan baik; dan
- (d) tidak akan menjadi satu bebanan kapada Negeri; dan
- (e) telah di-pereksa oleh sabuah Lembaga Bahasa dan Lembaga tersebut berpuas hati bahawa dia —
  - (i) mempunyai darjah pengetahuan bahasa Melayu yang di-anggap baik mengikut saperti yang di-tentukan; dan
  - (ii) boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan fasih atau tidak boleh bertutor dalam bahasa itu dengan fasih di-sebabkan oleh kechachatan anggota atau kechachatan perchapakan atau pendengaran; dan
- (f) telah membuat satu pengakuan bahawa dia berniat, jika sekira-nya satu sijil diberi kapada-nya, ia akan diam dalam Negeri buat selama2-nya.

(2) Dalam menghitong tempoh kediaman dalam Negeri bagi maksud2 cheraian (1) dari bab ini sebarang tempoh ketiadaan-nya dalam Negeri —

- (a) kerana maksud2 meneruskan pelajaran di-negeri2 yang tertentu, dan dalam tempoh2 yang sedemikian sabagaimana yang boleh dari semasa ka-semasa pada 'am-

nya atau khas-nya di-benarkan oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat bagi maksud2 cheraian tersebut; atau

- (b) semasa menjalankan pekerjaan urusan Negeri atau dalam perkhidmatan Baginda Queen, jika Sultan berpuas hati bawanya tempoh tersebut ada-lah berpatutan dengan tempoh kediaman seterusnya; atau
- (c) di-antara satu haribulan July, 1941, dengan tiga puloh satu haribulan December, 1946, dalam perkara sesaorang yang telah diam dalam Negeri selama lima tahun sebelum tempoh ketiadaan tersebut; atau
- (d) kerana sebab2 kesehatan atau beberapa sebab2 yang lain yang di-tentukan pada 'am-nya atau khas-nya oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat;

hendak-lah di-anggap sebagai tempoh kediaman dalam Negeri.

(3) Dalam menghitong tempoh kediaman dalam Negeri bagi maksud2 cheraian (1) dari bab ini maka sebarang tempoh kediaman dalam Negeri —

- (a) semasa yang mana saorang itu telah diam dalam Negeri ini sechara yang tidak diluluskan oleh undang2; atau
- (b) yang di-gunakan oleh-nya sebagai orang tahanan di-manapun penjara atau sebagai saorang yang di-tahan menurut undang2 di-sebarang tempat tahanan se-lain daripada sebuah hospital gila dibawah kandongan2 dari sebarang undang2 bertulis dalam Negeri ini; atau
- (c) semasa yang sesaorang itu di-benarkan tinggal buat sementara dalam Negeri dibawah kuat-kuasa mana2 pas atau surat kebenaran yang di-keluarkan mengikut undang2 bertulis dalam Negeri;

tidak-lah di-anggap sebagai tempoh kediaman dalam Negeri :

Dengan sharat bahawa tempoh yang di-sebutkan dalam fasal (c) boleh di-anggap sebagai tempoh kediaman jika di-persetujui oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat.

(4) Bagi maksud2 Undang2 ini sesaorang hendak-lah di-anggap diam dalam Negeri pada sesuatu tarikh yang tertentu jika dia telah diam dalam Negeri sebelum tarikh itu dan bahawa tarikh itu adalah termasuk dalam sebarang tempoh ketiadaan sabagaimana yang di-sebutkan dalam cheraian (2) dari bab ini.

(5) Orang yang di-beri suatu sijil penuangan taraf kebangsaan di-bawah bab ini akan, apabila mengangkat sumpah mengikut chara yang tertera dalam Jadual Kedua, menjadi saorang ra'ayat Sultan dengan chara penuangan taraf kebangsaan mulai dari tarikh sijil itu di-beri.

**Kehilangan  
taraf ra'ayat  
Sultan.**

9. (1) Terta'alok sabagaimana yang di-sharatkan selepas ini, jika saorang ra'ayat Sultan telah, pada sebarang tempoh sesudah hari yang di-tetapkan, meninggalkan Negeri, terus menerus selama lima tahun dan tidak dapat memberi kenyataan yang memuaskan kapada Sultan bahawa ia mempunyai perhubungan yang berkesan dengan Negeri dalam tempoh itu, maka orang tersebut akan terluchut daripada menjadi saorang ra'ayat Sultan.

(2) Saorang yang telah meninggalkan Negeri selama lima tahun seperti yang di-sebutkan dahulu tetapi siapa, sebelum tamatnya tempoh tersebut, telah membuat permohonan kapada Sultan mengikut chara yang di-tentukan kerana satu sijil bahawa orang tersebut ada mempunyai perhubungan yang berkesan dengan Negeri maka dia tidak akan, kerana ketiadaan-nya semasa tersebut, terluchut dari menjadi saorang ra'ayat Sultan melainkan dan sehingga dia telah di-beritahu yang permohonan-nya itu telah di-tolak. Pemberian sebarang sijil itu akan terpu lang-lah kepada pertimbangan Sultan semata2.

(3) Saorang ra'ayat Sultan di-bawah bab 4 (1) (a), (b), (c), (d) atau (e) tidak akan terluchut dari-pada menjadi saorang ra'ayat Sultan di-bawah bab ini jika, dengan perluchutan itu, dia tidak akan mem-punyai taraf kebangsaan lain.

(4) Jika sesaorang itu telah luchut taraf-nya menjadi saorang ra'ayat Sultan di-bawah bab ini, diam semula di-dalam Negeri, maka boleh-lah ia memohon kepada Sultan, mengikut chara yang di-tentukan dan terta'alok kapada sebarang sharat yang boleh di-kenakan, untok di-daftarkan sebagai saorang ra'ayat Sultan dan Sultan boleh-lah, mengikut per-timbangan Baginda sendiri, memerentahkan supaya ia-nya di-daftarkan sebagai saorang ra'ayat.

(5) Saorang yang mempunyai taraf sebagai sa-orang ra'ayat Sultan akan terluchut dari taraf tersebut jika —

- (a) dia dengan sukarela mengambil taraf kebangsaan atau warganegara mana2 negeri di-luar Brunei selain dari warga-negara United Kingdom dan Tanah2 Jajahan; atau
- (b) sebagai saorang perempuan yang telah mengambil taraf tersebut dengan pen-daftaran di-bawah cheraian (6) (B) dari bab 5, dia oleh sebab perkahwinan-nya mendapat taraf kebangsaan atau warga-negara suami-nya yang menjadi kebang-saan atau warganegara di-mana2 Negara atau negeri di-luar Brunei selain dari warganegara United Kingdom and Ta-nah2 Jajahan.

**Menghapuskan  
taraf ra'ayat  
Sultan dengan  
chara lafadz.**

10. Jika sesaorang ra'ayat Sultan yang lengkap sharat-nya membuat satu pengakuan mengikut chara yang di-tentukan menghapuskan taraf-nya sebagai saorang ra'ayat Sultan dengan chara lafadz maka Sultan hendak-lah memerentahkan supaya peng-akuan itu di-daftarkan; dan, apabila telah di-daftar-kan, orang itu akan terluchut daripada menjadi sa-orang ra'ayat Sultan:

Dengan sharat bahawa Sultan boleh menanggohkan pendaftaran sebarang pengakuan itu jika pengakuan itu di-buat semasa dzarurat yang di-ishtiharkan sedemikian, pada atau selepas permulaan-nya, oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat bagi maksud2 bab ini.

**Mengambil  
balek taraf  
sabagai saorang  
ra'ayat Sultan.**

11. (1) Saorang ra'ayat Sultan akan terluchut dari-pada mempunyai taraf sedemikian jika taraf itu diambil balek daripada-nya oleh satu perentah dari Sultan dalam Majlis Mashuarat yang di-buat di-bawah bab ini.

(2) Terta'alok kapada kandongan2 bab ini, Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan perentah meluchutkan sebarang orang yang menjadi saorang ra'ayat Sultan —

- (a) dengan pendaftaran; atau
- (b) dengan penuangan taraf kebangsaan,

akan taraf itu jika Baginda berpuas hati bahawa pendaftaran orang tersebut atau sijil penuangan taraf kebangsaan yang di-beri kepada-nya di-bawah Undang2 ini telah di-perolehi dengan chara tipu, penerangan falsu atau menyembunyikan apa2 ke-nyataan yang mustahak atau di-buat atau di-beri dengan terkhilaf:

Dengan sharat bahawa tiada sesiapa pun akan di-luchutkan, di-bawah kandongan2 bab ini, akan taraf sabagai saorang ra'ayat Sultan di-sebab-kan oleh kekhilafan melainkan notis tentang tujuan untok berbuat demikian telah di-beri kepada-nya atau di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* dalam tem-poh dua puloh empat bulan dari tarikh pendaftaran atau pemberian satu sijil, mengikut sabagaimana keadaan-nya.

(3) Terta'alok kapada kandongan2 bab ini, Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan perentah meluchutkan sebarang orang yang menjadi saorang ra'ayat Sultan —

- (A) dengan pendaftaran; atau

(B) dengan penuangan taraf kebangsaan, akan taraf itu jika Baginda berpuas hati bahawa, selepas pendaftaran atau selepas pemberian satu sijil penuangan taraf kebangsaan di-bawah Undang2 ini orang itu —

- (a) telah menzahirkan diri-nya dengan perbuatan atau perchakapan yang ia-nya berniat tidak akan ta'at atau setia terhadap Sultan; atau
- (b) telah menggunakan sebarang hak, kuasa atau kelebihan yang dia barangkali berkelayakan oleh sebab sebarang taraf kebangsaan atau warganegara, selain dari hak2, kuasa2 atau kelebihan2 saorang warganegara United Kingdom dan Tanah2 Jajahan; atau
- (c) telah, dalam sebarang masa peperangan yang Baginda Queen telah terbabit, bermiaga atau berhubong dengan sechara haram dengan sesaorang musoh atau pun menjalankan atau mempunyai hubongan dengan sebarang perniagaan yang di-ketahui-nya di-jalankan dengan sechara yang boleh membantu musoh dalam peperangan itu; atau
- (d) telah dalam tempoh lima tahun selepas pendaftaran atau penuangan taraf kebangsaan, di-jatohkan hukuman bunoh atau penjara, dengan apa juga nama yang di-panggil, di-mana2 bahagian negeri Commonwealth selama lebhi dari dua belas bulan dan telah tidak menerima pengampunan :

Dengan sharat bahawa tiada perentah akan di-buat atas sebarang alasan2 yang di-sebutkan dalam cheraian ini berkenaan dengan saorang ra'ayat Sultan siapa, apabila di-luchutkan dari taraf tersebut akan tidak mempunyai taraf kebangsaan lain, melainkan Sultan dalam Majlis Mashuarat ada-lah, dalam menjalankan pertimbangan-nya, berpuas hati

bahawa orang yang sedemikian boleh meni'mati dengan sesunggoh-nya naungan dari sebarang Negeri lain dan dapat pergi ka-tempat itu jika dia berhajat sedemikian dengan tidak membahayakan keselamatan diri-nya.

(4) Sebelum membuat satu perentah di-bawah bab ini maka Sultan dalam Majlis Mashuarat hendak-lah memerentahkan supaya di-beri kapada orang yang terhadap-nya perentah itu hendak di-buat notis bertulis yang menyatakan alasan2 untuk membuat perentah yang di-chadangkan hendak di-buat itu dan hak-nya kapada penyiasatan di-bawah bab ini.

(5) Jika orang yang terhadap siapa perentah yang di-chadangkan hendak di-buat memohon mengikut chara yang di-tentukan supaya di-adakan satu penyiasatan maka Sultan dalam Majlis Mashuarat hendak-lah menyusol perkara itu kapada satu Jawatankuasa Penyiasatan yang mengandungi saorang pengurus, ia-itu saorang yang mempunyai pengalaman kehakiman, yang di-lantek oleh Sultan, dan lain2 ahli yang di-lantek oleh Sultan sabagaimana yang di-fikirkan-nya patut.

(6) Sultan dalam Majlis Mashuarat jangan-lah hendak-nya membuat satu perentah di-bawah bab ini melainkan Baginda berpuas hati bahawa tiada akan menjadi faedah kapada orang ramai jika orang yang terhadap siapa perentah itu di-chadang hendak di-buat akan terus menjadi saorang ra'ayat Sultan.

**Tanggongan2  
sebelum kehi-  
langan taraf  
kebangsaan  
di-teruskan.**

**Pertimbangan  
Sultan tidak  
boleh di-rayu  
atau di-kaji.**

12. Manakala saorang ra'ayat Sultan tidak lagi menjadi saorang ra'ayat Sultan, maka dengan itu dia tidak-lah terbebas dari sebarang tanggong-jawab, kewajipan2 atau tanggongan yang di-lakukan sebelum dia terluchut daripada menjadi saorang ra'ayat Sultan.

13. Sultan tidak akan di-kehendaki memberi sebarang sebab kerana memberi atau menolak sebarang pemohonan di-bawah Undang2 ini, dan keputusan Sultan mengenai sebarang permohonan yang sedemikian tidak boleh di-rayu kapada atau di-kaji dalam mana2 Mahkamah.

Kelahiran anak dalam kapal.

14. (1) Kelahiran anak di-dalam sabuah kapal yang di-daftarkan di-dalam atau di-punyai oleh Kerajaan Negeri hendak-lah di-anggap sebagai kelahiran anak di-dalam Negeri.

(2) Sesaorang yang di-lahirkan di-dalam sabuah kapal yang di-daftarkan atau di-dalam sabuah kapal yang tidak di-daftarkan di-dalam sa-sabuah negeri hendak-lah di-anggap telah di-lahirkan di-tempat mana kapal itu di-daftarkan atau, mengikut sabagaimana keadaan-nya, di-dalam negeri itu.

Lembaga Bahasa.

15. (1) Maka hendak-lah di-adakan satu atau lebih Lembaga Bahasa yang tiap2 satu-nya hendak-lah mengandungi saorang Pengurus dan dua orang ahli yang lain yang di-lantek oleh Sultan dalam Majlis Mashuarat. Sebarang Lembaga yang sedemikian itu boleh-lah bertindak menurut bilangan undi ahli2 yang lebih.

(2) Maka akan menjadi tugas kapada sa-sabuah Lembaga Bahasa menasehatkan Sultan menurut peratoran2 yang di-tentukan sama ada mana2 orang yang memohon pendaftaran atau penuangan taraf kebangsaan (naturalisation) di-bawah Undang2 ini mempunyai darjah pengetahuan bahasa Melayu seperti yang di-tentukan dan boleh bertutor dalam bahasa itu dengan fasih atau pun tidak boleh bertutor dalam bahasa itu dengan fasih di-sebabkan oleh kechachatan anggota atau kechachatan perchakapan atau pendengaran.

Keterangan.

16. (1) Tiap2 surat yang di-sifatkan sebagai satu notis, sijil, perentah atau pengakuan, atau satu kemasukan di-dalam sabuah daftar atau tanda-tangan surat sumpah di-beri, di-kurnia atau di-buat di-bawah Undang2 ini hendak-lah di-terima sebagai keterangan, dan hendak-lah, melainkan terbokti sebaleknya, di-anggap telah di-beri, di-kurnia atau di-buat oleh atau bagi pehak siapa ia-nya di-sifatkan telah di-beri, di-kurnia atau di-buat.

(2) Keterangan *sepintas lalu* boleh-lah di-beri berkenaan dengan surat yang tersebut dengan jalan

menunjukkan sa-puchok surat yang di-akui sebagai salinan yang sebenar dari surat itu oleh orang yang tersebut dan mengikut chara yang di-tentukan.

**Kesalahan2.**

17. Sesiapa yang bermaksud untuk mendapatkan sesuatu perkara di-perbuat atau tidak di-perbuat di-bawah Undang2 ini, membuat suatu kenyataan yang ia ketahui falsu berkenaan dengan butir2 yang mustahak, atau dengan chuai-nya membuat suatu kenyataan yang falsu berkenaan dengan butir2 yang mustahak, ada-lah melakukan satu kesalahan dan hendak-lah apabila di-hukum terkena penjara selama dua belas bulan atau denda sebanyak dua ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda yang tersebut.

**Kuasa Sultan dalam Majlis Mashuarat untuk membuat peratoran2.**

18. Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran2 membuat kandongan 'am-nya kerana menguatkuasakan maksud2 Undang2 ini, dan khas-nya —

- (a) kerana menentukan sebarang apa yang boleh di-tentukan di-bawah Undang2 ini;
- (b) kerana pendaftaran apa yang di-kehendaki atau di-benarkan di-bawah Undang2 ini untuk di-daftarkan;
- (c) kerana menentukan chara2 pengakuan, chara2 mentadbir dan mengangkat sumpah2, ketika sumpah2 itu hendak di-angkat dan mendaftarkan sumpah2 tersebut;
- (d) kerana memberi mana2 notis yang di-kehendaki atau di-benarkan untuk di-beri kapada mana2 orang di-bawah Undang2 ini;
- (e) kerana menentukan chara yang akan ditata'ati oleh Lembaga Bahasa untuk menentukan kebolehan sesaorang bertutor dalam bahasa Melayu dengan fasih-nya atau chara bagi orang2 yang membuat permohonan untuk di-daftarkan atau si-

jil2 penuangan taraf kebangsaan dibawah Undang2 ini, maka keterangan yang dikehendaki dari orang tersebut berhubong dengan kelayakan mendapat taraf saorang ra'ayat Sultan, termasoklah keterangan berkenaan dengan kebolehan-nya bertutor dalam bahasa Melayu dengan fasih-nya, dan untuk menentukan hukuman2 berkaitan dengan sebarang pertimbangan bagi memberi sebarang penyusolan yang dikehendaki oleh sebarang borang yang tertentu;

- (f) kerana mengeluarkan salinan2 yang diakui bagi surat2 yang di-buat, dan chabutan2 daripada daftar2 yang di-simpan, di-bawah Undang2 ini, kerana pembatalan dan pindaan kapada kemasukan butir2 dalam sabuah daftar dan sijil2 serta salinan2 yang di-akui daripada kemasukan butir2 yang terkandong dalam sabuah daftar dan sijil2 yang di-sediakan di-bawah Undang2 ini dan berhubong dengan orang2 yang telah luchut taraf menjadi saorang ra'ayat Sultan di-bawah Undang2 ini, dan kerana menyerahkan balek surat2 tersebut untuk maksud2 yang tertentu itu;
- (g) kerana mengenakan dan mendapatkan semula pembayaran2 mengenai sesuatu permohonan yang di-buat di-bawah Undang2 ini atau mengenai sebarang pendaftaran, atau kerana membuat pengakuan, atau pengurnian sebarang sijil, atau mengangkat sebarang sumpah, yang di-benarkan di-buat, di-beri atau di-angkat oleh atau di-bawah Undang2 ini, dan mengenai pengurnian satu salinan yang di-akui atau lain2 salinan sebarang notis, sijil, perentah, pengakuan atau kemasukan butir2 yang di-beri, di-kurnia atau di-buat saperti

yang tersebut dahulu; dan kerana menggunakan sebarang bayaran yang tersebut;

- (h) kerana mengeluarkan sijil2 yang dapat menunjukkan sesorang itu telah dapat memberi bokti *sepintas lalu* yang ia-nya ada-lah saorang ra'ayat Sultan dengan kuat-kuasa mutlak undang2;
- (i) kerana menurunkan sebarang kuasa2 yang di-beri oleh Undang2 ini;
- (j) kerana menentukan susunan dan chara yang hendak di-turuti berhubong dengan penyolongan2 di-bawah Undang2 ini kepada sabuah Jawatan-kuasa Penyiasatan; dan, khas-nya kerana memberi kapada mana2 jawatan-kuasa yang tersebut sebarang kuasa2, hak2 atau kelebihan2 yang di-perolehi oleh mana2 mahkamah dan kerana membolehkan mana2 kuasa yang di-beri sebegini di-jalankan oleh saorang atau lebih dari saorang ahli2 jawatan-kuasa itu;
- (k) kerana menentukan hukuman2 kerana membantah kandongan2 peratoran2 tersebut; dan
- (l) kerana menentukan bagi penyiaran yang akan di-buat oleh orang2 yang membuat permohonan sijil2 penuangan taraf kebangsaan di-bawah bab 8 akan notis niat-nya membuat permohonan untuk sijil2 tersebut, dan menentukan dan menyelesaikan mana2 bantahan yang di-perbuat mengenai notis2 yang tersebut.

#### JADUAL PERTAMA

(bab 4)

Ahli2 dari puak2 yang di-tetapkan sebagai jati di-Negeri Brunei dalam erti kata Undang2 ini.

Orang2 Bukitan

Orang2 Dayak (Laut)  
 Orang2 Dayak (Darat)  
 Orang2 Kalabit  
 Orang2 Kayan  
 Orang2 Kenyah (termasok orang2 Sabup dan Sipeng)  
 Orang2 Kajang (termasok orang2 Sekapan, Kejaman,  
     Lahanan, Punan, Tanjong dan Kanowit)  
 Orang2 Lugat  
 Orang2 Lisum  
 Orang2 Melanau  
 Orang2 Penan  
 Orang2 Sian  
 Orang2 Tagal  
 Orang2 Tabun  
 Orang2 Ukit

Dan orang2 kachukan dari salah satu puak2 di atas  
 di-antara satu dengan lain atau dengan saorang ra'ayat di-  
 bawah bab 4(1) (a).

### JADUAL KEDUA

Bab 5(5) (c), sharat (A) (ii) dari bab 5(6)  
 dan bab 8(5)

### SUMPAH TA'AT SETIA

Saya ..... dari .....  
 ..... ada-lah dengan ini bersumpah  
 bahawa saya tidak akan menggunakan hak2, kuasa2 dan  
 kelebehan2 yang di-beri oleh mana2 taraf kebangsaan atau  
 warganegara, selain dari hak2, kuasa2 dan kelebehan2 sa-  
 bagai saorang warganegara United Kingdom dan Tanah2  
 Jajahan, dan bahawa saya dengan sesunggoh-nya dan sepe-  
 noh2-nya melafadzkan bahawa saya menghapuskan segala  
 ta'at setia saya kepada mana2 negeri, negara atau pemerentah  
 selain dari ta'at setia saya kepada Baginda Queen, dan saya  
 ..... ada-lah dengan ini  
 bersumpah bahawa saya akan memberi sepenoh2 kaseh sa-  
 yang saya yang tidak berbelah bahagi kapada Negeri Brunei  
 dan saya bersumpah bahawa saya akan menumpukan ta'at  
 setia saya yang ikhlas kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan  
 Negeri Brunei dan pengganti2-nya menurut undang2.

Di-luluskan pada 6 haribulan December, 1961.

PENGIRAN MOMIN  
*Juru Tulis*  
*Majlis Mashuarat Negeri,*  
*Brunei.*

[AG. 24/59]